

Lembaran Pendedahan Produk

Insurans Ganti Rugi Pekerja

(Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans ini. Pastikan juga anda telah membaca terma am dan syarat-syarat.)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi pekerja anda daripada kecederaan akibat kemalangan atau penyakit akibat daripada dan dalam masa pekerjaan.

2. Apakah yang dilindungi / manfaat yang diberikan?

Polisi ini akan membayar pampasan sama ada di bawah Pampasan Pekerja Undang-Undang Malaysia atau liabiliti di bawah undang-undang umum bagi kecederaan kepada pekerja-pekerja anda oleh kemalangan atau penyakit akibat daripada dan dalam masa pekerjaan.

Tempoh perlindungannya biasanya selama satu tahun (kecuali risiko-risiko projek). Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Nota:

- Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Berjaya Sampo Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).**
- Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk manfaat dan perlindungan lengkap produk.**

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada jenis kerja yang dijalankan oleh pekerja anda, pendapatan tahunan anggaran, pengalaman tuntutan dan lain-lain.

4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

Apa yang anda perlu bayar sebagai tambahan kepada premium	Amaun
Duti Setem	RM 10.00
Cukai Perkhidmatan	6% dan/atau 8% daripada premium (#)

#Cukai perkhidmatan baru 8% akan dikira secara prorata berkuat kuasa mulai 01 Mac 2024 dan seterusnya.

Apa yang termasuk dalam premium	Amaun
Komisen kepada pengantara insurans (jika ada)	Sehingga 25% daripada premium

Sila rujuk pengiraan komisen di bawah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Premium tahunan ialah RM300.00. Oleh itu komisen ialah 25% daripada RM300.00 iaitu RM75.00

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan – Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- Waranti Premium - Premium mesti dibayar dalam masa 60 hari dari tarikh bermulanya perlindungan, jika tidak perlindungan akan dibatalkan secara automatik. Sila ambil perhatian bahawa anda masih bertanggungjawab untuk membayar perkadaran premium bagi 60 hari.

- c) Pendapatan tahunan anggaran - Anda perlu memastikan bahawa jumlah pendapatan pekerja anda adalah diinsuranskan pada amaun yang sesuai.
- d) Tuntutan - Apabila berlakunya kemalangan yang menimbulkan suatu tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dengan segera.
- e) Fasal Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) - Sila pastikan bahawa anda telah mengambil pertimbangan CBP ini apabila anda membuat keputusan mengenai jumlah yang diinsuranskan dalam polisi anda:

FASAL CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN

Jumlah premium yang perlu dibayar oleh Anda bagi Polisi ini termasuk jumlah CBP yang dikenakan pada premium. Apabila Kami membayar tuntutan, status CBP Anda akan menentukan jumlah Kami bayar ke atas tuntutan. Apabila Anda adalah:

- (a) orang tidak berdaftar dibawah CBP, Kami akan membayar sepenuhnya (termasuk 6% CBP) sehingga jumlah diinsuranskan / had liabiliti atau had-had lain perlindungan insurans.
- (b) orang berdaftar dibawah CBP, Kami akan membayar (tidak termasuk 6% CBP) sehingga jumlah diinsuranskan / had liabiliti atau had-had lain perlindungan insurans. Anda hendaklah menuntut secara langsung Kredit Cukai Input yang layak daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami kelayakan Kredit Cukai Input Anda yang betul atas Premium Anda dan kelayakan Kredit Cukai Input yang betul pada setiap item harta yang diinsurans.

GLOSARI:-

"CBP" bermaksud cukai barangan dan perkhidmatan dan mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 ("Akta CBP").

"Orang berdaftar" bermaksud seseorang yang didaftarkan di bawah Bahagian IV Akta CBP dan "orang tidak berdaftar" bermaksud seseorang yang tidak didaftarkan di bawah Akta CBP.

"Cukai Input" bermaksud CBP yang ditanggung ke atas sebarang pembelian atau perolehan barangan dan perkhidmatan oleh orang yang dikenakan cukai bagi maksud membuat suatu pembekalan bercukai bagi meneruskan perniagaan.

"Kredit Cukai Input" bermaksud cukai input yang boleh dituntut oleh orang berdaftar.

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- a) Peperangan, keganasan, risiko nuklear dan Penyakit Asbestosis;
- b) Denda, penalti, kerosakan punitif dijatuhkan oleh mahkamah undang-undang
- c) Liabiliti anda kepada pekerja kontraktor
- d) Mana-mana pekerja yang bukan "pekerja" dalam pengertian Undang-undang Pampasan Pekerja Malaysia

Nota: Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh bagi terma-terma dan syarat-syarat di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran perhubungan saya?

Sila maklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda supaya semua surat-surat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkaitan insurans ini, sila hubungi pejabat cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-2170 7300 pada waktu beroperasi dari 8:30 pagi hingga 5:00 petang (Isnin-Jumaat) atau menghubungi Talian Bebas Tol yang dinyatakan pada bahagian bawah halaman ini.

NOTA PENTING:

ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA JUMLAH YANG BERPATUTAN. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN/BROKER ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK KETERANGAN LEBIH LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma dan syarat yang lengkap yang dikenakan adalah terkandung di dalam Kontrak Polisi. Sekiranya berlaku percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Berjaya Sampo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah bermula dari 26 Februari 2024.